

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HGF 221 Geografi Fizikal

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan dariapda setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA[2] soalan

1. Tulis nota tentang perkara-perkara berikut:

- (a) Songsangan Kutub Magnet
(Magnetic Pole Reversal) (5 markah)
- (b) Teori Pemupusan Jisim (5 markah)
- (c) Teknik-teknik penentuan umur bumi (8 markah)
- (d) Aphanitik, phaneritik, intrusif dan ekstrusif dalam batuan ignius. (7 markah)

2. Mineral sebagai komponen penting di dalam batuan boleh dikenalpasti dengan beberapa cara. Jelaskan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)

3. (a) Bezakan mekanisma pergerakan jisim perlahan dan pergerakan jisim cepat. Jawapan perlu disokong dengan contoh-contoh dan gambarajah. (15 markah)

(b) Sekiranya anda seorang pakar runding di dalam projek perumahan atau lebuhraya, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah tanah runtuh. Jelaskan. (10 markah)

.../2

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Huraikan pola taburan tenaga suria di permukaan bumi dan terangkan bagaimana satu imbangan tenaga dapat dicapai.
(25 markah)
5. Huraikan sifat-sifat dan kepentingan wap air dalam atmosfera.
(25 markah)
6. (a) Bincangkan mekanisma-mekanisma yang telah menyebabkan perubahan iklim global yang berlaku dalam masa 100 tahun kebelakangan ini.
(15 markah)
- (b) Terangkan pendapat-pendapat masa kini tentang perubahan iklim global yang mungkin berlaku pada masa depan.
(10 markah)

-ooo000ooo-